# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## JUMAAT 5 OGOS 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | NANYANG SIANG PAU –ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. | CHANCE TO WIN YEAR'S SUPPLY OF RICE, THE SUN –ONLINE | |
| 3. | TAMIL MALAR, ONLINE | |
| 4. | MAHA 2022: A YEAR'S FREE SUPPLY OF RICE AWAITS LUCKY BERNAS VISITORS, THE BORNEO POST (SABAH) –ONLINE | |
| 5. | MAHA 2022: BEKALAN BERAS PERCUMA SETAHUN MENANTI PENGUNJUNG BERNAS, UTUSAN BORNEO SARAWAK –ONLINE | |
| 6. | PERAK KOMITED JADI PENGELUAR MAKANAN UTAMA NEGARA, HARIAN METRO –ONLINE | |
| 7. | EXCITING ACTIVITIES AWAIT VISITORS AT MAHA 2022, THE SUN –ONLINE | |
| 8. | KEREPK BUAH-BUAHAN PAK CHIPS TAMBAT SELERA, UM –ONLINE | |
| 9. | TERUJA LAMA TAK KUNJUNG MAHA, UM –ONLINE | |
| 10. | PROGRAM GALAK PENDUDUK BERCUCUK TANAM, UM –ONLINE | |
| 11. | PERAK SADC KETENGAH PRODUK KAVIAR DI MAHA 2022, BH -ONLINE | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## 园艺农业旅游展今起举行

# 5公斤白米仅卖10元

（吉隆坡3日讯）于8月4至14日在沙登农业博览馆（MAEPS）举行的2022年大马农业、园艺及农业旅游展（MAHA 2022），将出售低至10令吉的5公斤装白米。

根据马新社报道，农业及食品工业部稻米与白米发展组秘书阿兹曼马末说，当局到时将在特定时段，于稻米展览区通过促销价销售该白米。

他指相关展览也可让参与者了解稻米从种植到收割的过程。

大会也将设立一个稻田展览区，供访客拍照留念。其他活动包括展示水稻种植方法演变的稻米画廊等。

阿兹曼马末提到，当局将于8月7日推出新机制，以协助大家识别适合种植水稻种子的土壤类型、天气、耕耘科技等。

# Chance to win year's supply of rice

**KUALA LUMPUR:** Padiberas Nasional Bhd (Bernas) will be organising activities and contests with attractive prizes at the Malaysia Agriculture, Horticulture and Agro Tourism exhibition being held at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang.

Bernas said in a statement visitors to the exhibition, that begins today until Aug 14, stand a chance to win a year's supply of free rice in the "Guess the Weight of Rice Competition".

The display for the competition is located at Dewan A of the exhibition centre.

"The second place winner will win six months' supply of rice while the third place winner will win three months' supply."

According to the statement, visitors need to only answer several simple questions and guess the weight of the display at the exhibition area to participate.

Bernas will also organise a creative photo competition with a rice or paddy field theme on social media platforms, with cash prizes of up to RM1,000.

Visitors will also have the opportunity to test their strength lifting bags of rice in the "Badang Bernas" competition at 2pm on Aug 13.

Bernas will also display information about its operations and responsibility in preserving the country's rice industry.

Visitors to the Bernas exhibition site at Laman Padi can also enjoy bubur lambuk, in addition watching a demonstration on how rice is processed. - Bernama

# 5 கிலோ அரிசி 10 வெள்ளிக்கு விற்பனை



**கோலாலம்பூர், ஆக. 4–**

மலேசிய விவசாய, தோட்டக்கலை,வேளாண்சுற்றுலா கண்காட்சியில் ஐந்து கிலோ அரிசி குறைவான விலையில் பத்து வெள்ளிக்கு விற்கப்படும். இன்று தொடங்கி இம்மாதம் 14ஆம் தேதி வரை விற்பனை நடைபெறும். மலேசிய அக்ரோ எக்ஸ்போசிஷன் பார்க் செர்டாங் எனும் இடத்தில் அந்த விற்பனை நடைபெறுகிறது. ஆகஸ்டு 14ஆம் தேதி வரை ஐந்து கிலோ அரிசி பத்து வெள்ளிக்கு விற்கப்படும். அதன் பிறகு, அது பதினோரு வெள்ளிக்கு விற்கப்படும் என்று விவசாய மற்றும் உணவுத்தொழில் மேம்பாட்டுப் பிரிவின் செயலாளர் அஸ்மான் மாமூட் தெரிவித்தார். புத்ராஜெயா, சிலாங்கூர், கோலாலம்பூர், நெகிரி செம்பிலான் ஆகிய மாநிலங்களைச் சேர்ந்த தொடக்கப்பள்ளி மாணவர்கள் நாற்றுநடவு மற்றும் நெல்அறுவடை பற்றி அறிந்து கொள்வதற்கு ஏதுவாகவும் அவர்களுக்கு தமது விவசாய மற்றும் உணவுத்தொழில் மேம்பாட்டுப் பிரிவு தேவையான ஏற்பாடுகளைச் செய்துள்ளது என்றார்.

# Maha 2022: A year's free supply of rice awaits lucky Bernas visitor

**KUALA LUMPUR:** Padiberas Nasional Bhd (Bernas ) in continuing its tradition of participating in the Malaysia Agriculture, Horticulture and Agro Tourism (MAHA) exhibition at MAEPS, will be organising activities and contests which promise attractive prizes to visitors.

In a statement, yesterday, it said visitors to the exhibition beginning Thursday(Aug 4) until Aug 14 stand a chance to win a year's supply of free rice in the Guess the Weight of Rice Competition, which is also the main prize. It will be held at Dewan A of the exhibition centre.

"The second place winner will have the chance of winning six months' supply of rice while the third place winner will win three months' supply of rice,' said the statement.

According to Bernas, visitors need to only answer several simple questions and guess the weight of a replica of rice placed in the exhibition area to win one of the prizes.

At the same time, the company will also organise a creative photo competition with the theme of rice or paddy photos through social media platforms which also offer generous prizes in the form of cash up to RM1,000.

Not only that, visitors also have the opportunity to test their physical strength to lift rice bags in the Badang Bernas competition at 2 pm on Aug 13.

According to the statement, in conjunction with the MAHA 2022-themed 'Food Security for the Future', Bernas will put on display interesting information about its responsibility in preserving the country's rice industry.

Visitors to the Bernas exhibition site at Laman Padi can also enjoy the deliciousness of the special bubur lambuk in addition to stopping by the Bernas Rice Mini Factory which will demonstrate how rice is processed. — Bernama

# MAHA 2022: Bekalan beras percuma setahun menanti pengunjung BERNAS

KUALA LUMPUR: Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) dalam meneruskan tradisinya menyertai pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan (MAHA) di MAEPS, Serdang bakal menganjurkan pelbagai aktiviti dan pertandingan yang menjanjikan hadiah menarik kepada pengunjung.

BERNAS dalam kenyataan semalam memaklumkan pengunjung ke pameran yang bermula esok hingga 14 Ogos itu berpeluang memenangi bekalan beras percuma selama setahun iaitu hadiah utama dalam pertandingan Teka Berat Beras yang akan dianjurkan di Dewan A, pusat pameran itu.

"Tempat kedua akan memenangi bekalan beras untuk enam bulan dan tempat ketiga pula bakal memenangi bekalan beras selama tiga bulan," menurut kenyataan itu.

Jelas BERNAS, pengunjung hanya perlu menjawab beberapa soalan mudah dan meneka berat satu replika beras yang terletak di ruang pameran itu untuk memenangi hadiah berkenaan.

Pada masa sama, syarikat itu juga akan menganjurkan pertandingan gambar kreatif bertemakan gambar beras atau padi melalui platform media sosial yang turut menawarkan hadiah lumayan berbentuk wang tunai sehingga RM1,000.

Bukan itu sahaja, pengunjung turut berpeluang menguji kekuatan fizikal untuk mengangkat kampit beras dalam pertandingan Badang BERNAS pada 2 petang, 13 Ogos nanti.

Menurut kenyataan itu juga, sempena MAHA 2022 bertemakan 'Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan' itu, BERNAS akan mempamerkan informasi menarik mengenai tanggungjawabnya melestarikan industri padi negara. — Bernama

# Perak komited jadi pengeluar makanan utama negara

**Serdang:** Perak berhasrat menjadi pengeluar makanan utama Malaysia menjelang 2030 dalam usaha menjamin sekuriti makanan negara.

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak Razman Zakaria berkata, kerajaan negeri optimis mencapai sasaran itu selepas kejayaan negeri itu melepasi Tahap Sara Diri (SSL) Perak dalam pelbagai produk makanan utama.

"Kerajaan negeri menerusi Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) dan agensi lain sedang berusaha menjadikan Perak sebagai pembekal makanan mencukupi untuk keperluan rakyat Perak, malah kepada seluruh Malaysia.

"Antara sasaran kita dalam Perak Sejahtera 2030 ialah untuk mencapai sasaran bakul makanan dengan mencukupkan keperluan SSL Perak bagi setiap produk dan selebihnya kita eksport kepada negeri lain.

"Sekarang ini pun beberapa produk kita hasilkan sudah melepasi SSL nasional seperti ayam dan telur melebihi kadar 200 peratus cuma ada beberapa produk kita belum capai sasaran seperti beras masih lagi 90 peratus, daging lembu (60 peratus) selain cili baru 70 peratus," katanya selepas majlis pelancaran Reruai Perak SADC sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini, semalam.




RAZMAN (depan, empat dari kanan) bersama Yahanis (enam dari kiri) ketika melawat tapak pameran Perak SADC sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Maeps, semalam. - Gambar NSTP/ROHANIS SHUKRI

**90%**
Peratusan SSL nasional produk beras keluaran Perak

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC), Yahanis Yahya.

Selain itu, Razman berkata, kerajaan negeri juga komited melahirkan usahawan jutawan dalam bidang pertanian menerusi kerjasama dengan Agro Bank.

"Melalui kerjasama itu, kita berhasrat meningkatkan pendapatan usahawan supaya mereka boleh hidup mewah dengan hanya bertani dan kita tampung modal jika mereka memerlukan.

"Kita sasarkan jika kita dapat melahirkan 10 jutawan daripada lebih 200 usahawan di bawah Perak SADC pun sudah cukup baik," katanya.

Sementara itu, beliau berharap Perak SADC dapat memanfaatkan peluang melalui penganjuran MAHA 2022 ini untuk mewujudkan lebih banyak pemadanan perniagaan bersama pemain industri yang komprehensif dan agensi berkaitan di luar Perak.

> *Sekarang ini pun beberapa produk kita hasilkan sudah melepasi SSL nasional seperti ayam dan telur melebihi kadar 200 peratus cuma ada beberapa produk kita belum capai sasaran seperti beras masih lagi 90 peratus, daging lembu (60 peratus) selain cili baru 70 peratus"*
>
> **Razman Zakaria**

"Ia bukan sahaja diyakini mampu meningkatkan janaan pendapatan dalam pelbagai bidang, malah meneruskan visi serta aspirasi Perak SADC untuk terus memacu kelestarian sekuriti makanan di peringkat Perak dan Malaysia," katanya.

Penyertaan Perak SADC dalam MAHA 2022 menampilkan produk premium daripada pelbagai latar usahawan dan syarikat membabitkan sektor pertanian, akuakultur, penternakan, agro-pelancongan dan sebagainya.

# Exciting activities await visitors at Maha 2022

**KUALA LUMPUR:** The National Farmers Organisation (Nafas) has lined up various exciting activities for visitors at the 2022 Malaysian Agriculture, Horticulture and Agro Tourism Exhibition (Maha 2022), which began yesterday.

Nafas acting general manager Saripol Baharin Karim said visitors to its pavillion in Hall A of the Malaysia Agro Exposition Park Serdang also stand a chance to win prizes.

"Through the *Jawab dan Menang* contest, visitors need to answer the questions provided and we will compile their answers. Then, on the final day of Maha 2022, we will hold a lucky draw and the grand prize winner will take home a gold wafer weighing 50g.

"Other prizes include handphones, televisions and more," he said in the *Malaysia Petang Ini* programme on BernamaTV yesterday.

Apart from the pavillion, he said Nafas is also involved in several other sections at the Machinery Site, Padi Site and Agro-edutainment Site. - Bernama



A woman getting a taste of kelulut honey during the expo yesterday. – *HAFIZ SOHAIMI/THESUN*

# Kerepek buah-buahan PakChips tambat selera

MAHA 2022
Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia

Oleh KAMARIAH KHALIDI
utusannews@mediamulia.com.my

**SERDANG:** Bagi yang menggemari makanan snek, pasti kerepek buah-buahan jenama PakChips menambat selera.

Kerepek goreng itu didatangkan dengan sembilan pilihan buah-buahan dan sayuran seperti nangka, pisang, labu, nanas MD2, peria, kentang, bawang putih, bawang merah dan lobak.

Pengurus besar Marhas Trading, Mardhiah Abdullah berkata, pada peringkat permulaan, PakChips yang beroperasi di Lenggeng, Negeri Sembilan hanya mengeluarkan kerepek nangka sebelum mempelbagaikannya dengan buah-buahan lain.

Menurut Mardhiah, suaminya, Hasni Esa yang juga pemilik Marhas Trading menggemari bidang pertanian dan mula mengusahakan tanaman nangka sejak 2013 sebelum mengeluarkan produk kerepek pada 2018.




MARDHIAH Abdullah menunjukkan aneka kerepek PakChips di MAHA 2022 dekat MAEPS, Serdang, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

"PakChips merupakan antara jenama yang terpilih untuk menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 kali ini kerana kami membawa hasil sendiri bermula dari nangka yang ditanam di ladang sehingga kepada penghasilan produk.

"Kerepek nangka PakChips merupakan idea suami selepas melihat lambakan produk import dari Thailand dan Vietnam di pasaran. Jadi dari situ dia bekerja keras untuk hasilkan sendiri," katanya kepada *Utusan Malaysia* di Laman Tiba 1, Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini semalam.

Jelas Mardhiah, dia menggunakan teknik khas bagi proses penyerapan air daripada buah-buahan tanpa menghilangkan kandungan nutrisinya.

"Tiada perasa tambahan seperti gula, garam atau pun pengawet dalam produk PakChips, jadi ia sesuai untuk golongan kanak-kanak kerana ia merupakan snek berkhasiat," ujarnya.

Sementara itu, Mardhiah berkata, kerepek PakChips mampu mencapai jualan kira-kira RM500,000 setahun.

"Kita juga sudah tembusi beberapa pasar raya besar tempatan selain pernah sampai ke Jepun," katanya.

# Teruja lama tak kunjung MAHA

**SERDANG:** Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang dibuka mulai semalam menerima sambutan luar biasa para pengunjung.

Rata-rata mereka berasa teruja selepas lebih empat tahun tidak menjejakkan kaki ke pameran dwi tahunan itu ekoran pandemik Covid-19.

Walaupun hujan pada awal pagi dan kenderaan banyak sepanjang laluan ke Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), ia tidak mematahkan semangat mereka untuk mengunjungi reruai dan ruang pameran.

Pekerja swasta, Nizam Hussin, 44, berkata, dia sanggup keluar seawal pukul 7 pagi bersama isteri dan mentua.

"Nasihat saya datang awal sebab jumlah kenderaan semakin meningkat dan lebih banyak masa boleh diluangkan untuk melihat pameran yang ada," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia, Muhamad Sayyid Elias, 23, berkata, ini merupakan pengalaman pertamanya ke MAHA 2022.

"Saya tak sabar mahu melihat inovasi berasaskan pertanian, mungkin ada teknologi baharu yang boleh dipelajari," ujarnya.

Kakitangan kerajaan, Siti Fatimah Mohd Arifi, 28, pula berkata, MAHA 2022 bukan sahaja menawarkan produk pada harga istimewa, malah menyediakan pelbagai informasi yang diperlukan para pengunjung.

"Ini kali pertama saya hadir ke MAHA, memang sangat seronok sebab ada pelbagai gerai jualan serta hadiah percuma buat para pengunjung," katanya.

MAHA 2022 yang berlangsung sehingga 14 Ogos ini menempatkan 1,500 gerai pameran dengan jangkaan kira-kira 100,000 pengunjung setiap hari.

# Program galak penduduk bercucuk tanam

SEMPENA Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang sedang berlangsung, Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) mengetengahkan Program Pertanian Komuniti (Kebuniti) kepada para pengunjung.

Program berkenaan bertujuan untuk menggalakkan penduduk bandar dan luar bandar untuk bercucuk tanam dengan menanam pelbagai sayur-sayuran kegunaan harian seperti cili, kunyit, halia, kubis, sawi, bayam dan juga salad.

Inisiatif itu juga dilihat mampu menjimatkan perbelanjaan dapur sekali gus mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Selain itu, DOA melalui Laman Agro-Food Florikultur memperkenalkan konsep *Miracle Garden* yang menonjolkan keindahan landskap pelbagai jenis kombinasi bunga-bungaan unik bersama tanaman edible menyegarkan.

Keseluruhan laman berkenaan dibangunkan dengan menggunakan aspek pertanian pintar.

Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Zahimi Hassan berkata, elemen etnobotani, bungaan produktif dan estetik serta tanaman *edible* diterapkan melalui lapan konsep taman bagi menceriakan Laman Agro-Food Florikultur.

Konsep berkenaan adalah *Rainbow Garden, Vertical Garden, Sunflower Garden, Tropical Garden, Petunia Garden, Orchid Garden, Urban Garden* dan *Teratai Garden*.

"Jabatan Pertanian turut menyediakan rerurai jualan pelbagai benih tanaman dan anak pokok, pameran bunga premium dan terrarium, kuiz dan permainan, demonstrasi hasilan bunga dan hiburan santai untuk para pengunjung," katanya.

Laman itu juga mendapat kerjasama dan kolaborasi empat rakan padanan bagi pengisian aktiviti dan program iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Perbadanan Putrajaya dan POS Malaysia Berhad yang mengeluarkan setem edisi terhad berlogo MAHA 2022.



**INISIATIF** berkebun mampu menjimatkan perbelanjaan dapur sekali gus mengurangkan kos sara hidup rakyat.

# Perak SADC ketengah produk kaviar di MAHA 2022

**Serdang:** Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) mengetengahkan produk makanan premium, kaviar Malaysia yang dikenali jenama, T'lur dan diusahakan oleh Baolai International Sdn Bhd (Baolai).

Baolai yang mengusahakan produk T'lur sejak 2018 itu adalah pengusaha dan pengeluar kaviar berlesen pertama di negara ini yang bertanggungjawab dalam aktviti ternakan ikan sturgeon, penuaian hasil kaviar, pemprosesan serta pembungkusan produk kaviar sehingga siap untuk dipasarkan.

Perak SADC juga membawa beberapa ikan sturgeon ke MAHA. Sehingga kini, perolehan terhadap hasil jualan produk yang dipasarkan itu dijangka mencecah antara RM2 juta hingga RM4 juta setahun.

Antara produk T'lur adalah Beluga Caviar, Oscietra Caviar, Amur Caviar, Kaluga Amur Caviar dan Siberian Amur Caviar.

Kerajaan Perak komited untuk menjadi pembekal makanan utama di seluruh negara selepas beberapa produk dari negeri itu berjaya melepasi tahap sara diri (SSL) yang ditetapkan.

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Negeri Perak, Razman Zakaria, berkata menerusi pelan Perak Sejahtera 2030, kerajaan negeri menyasarkan untuk



*Yahanis (dua dari kiri) memberi penerangan kepada Razman (tiga dari kiri) mengenai produk kaviar ketika melawat tapak pameran Perak SADC di MAHA 2022, Serdang, semalam.* (Foto Rohanis Shukri/BH)

mencukupkan keperluan bakul makanan di negeri itu.

Katanya, penetapan SSL pada peringkat nasional bagi setiap produk ialah 100 peratus dan kebanyakan produk yang dikeluarkan negeri itu sudah melepasi sasaran seperti ayam dan telur yang menjangkau 200 peratus.

"Antara produk yang belum mencapai sasaran ialah beras, yang kini pada kadar 90 peratus, daging lembu (60 peratus) serta cili (70 peratus).

"Produk yang belum capai sasaran, jumlahnya sangat sedikit. Bagaimanapun, setakat ini kadar SSL bagi rakyat Perak mencukupi dan selebihnya akan dieksport ke negeri lain.

"Berikutan itu, Perak SADC dipertanggungjawabkan bagi memantau pemain industri untuk mengeluarkan jumlah yang mencukupi bagi kegunaan semua," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan reruai Perak SADC Memacu Kelestarian Sekuriti Makanan di Dewan A, Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Perak SADC, Yahanis Yahya.

Razman berkata, Perak SADC juga berhasrat untuk meningkatkan kapasiti usahawan pertanian di negeri itu.

## Tingkat pendapatan petani

"Kalau mereka tiada modal, kita akan tampung keperluan berkenaan. Kita mahu tingkatkan pendapatan petani.

"Setakat ini usahawan di bawah Perak SADC sudah mencapai lebih 200 orang. Jika kita dapat menjadikan 10 orang petani itu jutawan pun sudah cukup baik. Kita mahu dengan pertanian ini dapat menjadikan seseorang individu itu kaya," katanya.

Mengulas mengenai pembabitan Perak SADC di MAHA 2022, Razman berkata, ia dapat mendedahkan masyarakat dengan pengetahuan pertanian serta mampu mengembangkan industri yang lain.

"Penyertaan Perak SADC secara asasnya bertujuan mengetengahkan produk premium daripada pelbagai latar usahawan dan syarikat.

"Antaranya, SBH Perak Agro Aquaculture Sdn Bhd (udang), Malayan Flour Mills (ayam daging), Agroto Business (M) Sdn Bhd (sayur-sayuran), Agrownas Sdn Bhd (nanas) dan Bao Lai International Sdn Bhd (sturgeon kaviar).

"Selain itu, Eurofresh Sdn Bhd (daging dan makanan laut), Jamil Agro Farm (patin) dan Dusoon Sara Enterprise Malaysia Sdn Bhd (ayam kampung).

"Diharapkan Perak SADC dapat menggunakan peluang melalui penganjuran MAHA 2022 ini untuk mewujudkan lebih banyak pemadanan perniagaan bersama pemain industri yang komprehensif dan agensi di luar Perak.

"Hal ini bukan sahaja diyakini mampu meningkatkan penjanaan pendapatan dalam pelbagai bidang, malah meneruskan visi serta Aspirasi Perak SADC untuk terus memacu kelestarian sekuriti makanan pada peringkat Perak dan Malaysia secara amnya," katanya.